

D.R. 13/94

Naskhah Sahih—**Bahasa** Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perempuan Bersuami
1957.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan
Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen dan
dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perempuan Bersuami (Pindaan) 1994. Tajuk ringkas.

2. Akta Perempuan Bersuami 1957, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4, seksyen berikut: Seksyen baru 4A. Akta 450.

“Capacity of husband and wife to sue each other for personal injuries. 4A. A husband or a wife shall be entitled to sue each other in tort for damages in respect of injuries to his or her person, as the case may be, in the like manner as any other two separate individuals.”

3. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan yang berikut; Pindaan seksyen 9.

"(2) A husband or a wife shall be entitled to sue each other in tort for the protection or security of his or her property, as the case may be."

RANG UNDANG-UNDANG

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Perempuan Bersuami 1957.

1. *Fasal 2* bertujuan memasukkan seksyen baru 4A untuk membolehkan seseorang suami atau isteri mendakwa satu sama lain bagi gantirugi berkenaan dengan kecederaan diri yang disebabkan oleh pihak yang satu lagi itu.
2. *Fasal 3* bertujuan membuat pindaan berbangkit kepada seksyen 9 di mana subseksyen 9(2) yang ada sekarang tidak membenarkan seseorang suami atau isteri mendakwa satu sama lain secara tort kecuali bagi perlindungan atau keselamatan hartanya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang itu tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1773.]